



22 Februari 2013
22 February 2013
P.U. (A) 57

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (PREMIS YANG DITETAPKAN) (MINYAK KELAPA SAWIT MENTAH) (PINDAAN) 2013

ENVIRONMENTAL QUALITY (PRESCRIBED PREMISES) (CRUDE PALM-OIL) (AMENDMENT) REGULATIONS 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING
(PREMIS YANG DITETAPKAN) (MINYAK KELAPA SAWIT MENTAH) (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*], Menteri, selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) (Pindaan) 2013**.

Pemotongan peraturan 15

2. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977 [*P.U. (A) 342/1977*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memotong peraturan 15.

Pindaan peraturan 16

3. Peraturan 16 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
 - (a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Fi bagi suatu lesen, termasuklah pembaharuan suatu lesen, adalah fi yang berkaitan dengan efluen yang dihitung menurut kaedah yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.”; dan
 - (b) dengan memotong subperaturan (2).

Pemotongan peraturan 18

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 18.